UUM/AA88/BH/01.11.2026/P.10(1-2)
E-mel: bhrencana@bh.com.my
Talian terus : 03-2724 8588
BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.
Hotline: 1300 22 6787 Sambungan: 8588

Ujian penyatuan BN-PN, penentu masa depan PH



Dekan, Pusat Pengajian Siswazah Kerajaan Ghazali Shafie (GSGSG), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Rusdi Omar
bhrencana@bh.com.my

Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka menjadi ujian penting terhadap penjajaran politik baharu, keberkesanan kerjasama antara parti dan hala tuju politik nasional menjelang Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16).

Dengan kerjasama penuh Barisan Nasional (BN) dan Perikatan Nasional (PN), selain kerjasama terhad Pakatan Harapan (PH) dengan BERSATU,PRN kali ini memperlihatkan perubahan ketara dalam percaturan politik berbanding pilihan raya sebelumnya.

Sebanyak 79 calon bertanding di 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, membabitkan 24 calon PH, 23 calon BN, 16 daripada Parti Bersama Malaysia (BERSAMA), tujuh BERSATU, lima mewakili PN, seorang daripada Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (PUTRA) dan tiga calon Bebas.

Daripada keseluruhan kerusi ditandingi, 11 DUN menyaksikan pertandingan satu lawan satu, 11 lagi DUN pertembungan tiga penjuru dan enam DUN hadapi empat penjuru.



Pengurangan pertandingan banyak penjuru di beberapa kawasan menggambarkan kesan penyelarasan kerusi antara BN-PN, sekali gus menjadikan persoalan pemindahan undi antara penyokong parti sebagai faktor penting. Antara kerusi paling mendapat perhatian ialah DUN Tanjung Bidara, menyaksikan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, mempertahankan kedudukannya atas tiket BN. Pertandingan ini menjadi referendum politik terhadap kepimpinan dan prestasi pentadbiran kerajaan negeri.

Di DUN Paya Rumput penyertaan Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin, meletakkan kerusi berkenaan dalam perhatian nasional.

Sementara itu, DUN Bukit Katil menyaksikan bekas Ketua Menteri PH yang juga penyandang sejak 2018, Adly Zahari, berdepan pertandingan empat penjuru.

Sekiranya Azman dan Adly mengalami kekalahan besar, keputusan itu berpotensi menjejaskan imej PH, khususnya dari segi penerimaan pengundi terhadap kepemimpinan serta kemampuan gabungan itu mengekalkan pengaruh di Melaka.

Pada PRN lalu, BN memenangi 21 kerusi manakala PH memperoleh lima kerusi dan PN dua kerusi. Berdasarkan simulasi penggabungan undi BN dan PN pada pilihan raya itu, dua gabungan secara matematik mempunyai kelebihan berbanding PH di 24 daripada 28 kerusi.

Bagaimanapun, selain pengundi baharu, cabaran sebenar ialah *vote transferability*, iaitu sejauh mana penyokong UMNO, PAS dan parti komponen lain sanggup memindahkan sokongan kepada calon sekutu masing-masing. Pemindahan undi sepenuhnya hampir mustahil berlaku kerana perbezaan kesetiaan parti, sentimen akar umbi dan pertimbangan terhadap calon.

Dalam konteks ini, rekod pentadbiran kerajaan BN Melaka menjadi faktor dinilai pengundi. Ab Rauf serta beberapa anggota EXCO termasuk Datuk Mohd Noor Helmy dan Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh, mempunyai profil politik menonjol.

Penyokong kerajaan melihat prestasi pentadbiran dan pendekatan kepemimpinan mereka sebagai kekuatan BN, namun sejauh mana persepsi positif itu diterjemahkan kepada sokongan undi masih bergantung pada penilaian masyarakat terhadap pencapaian sebenar kerajaan negeri.

Selain pemindahan undi, risiko ketidakpuasan hati dalaman turut memerlukan perhatian. Pengguguran Ketua Wanita UMNO Melaka, Datuk Kalsom Noordin daripada pencalonan di Pengkalan Batu menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penyokongnya.

Laluan BERSATU di DUN Bemban

Dalam PH pula, keputusan memberikan laluan kepada BERSATU di DUN Bemban mencetuskan kekecewaan sebahagian penyokong DAP. Keadaan hampir sama berpotensi timbul dalam PAS di Bukit Katil apabila pemimpin tertentu tidak dipilih sebagai calon.

Walaupun ketidakpuasan hati tidak semestinya membawa kepada sabotaj, tindakan tidak membantu kempen atau tidak keluar mengundi boleh mempengaruhi keputusan, terutama di kawasan mempunyai persaingan sengit. Masa depan DAP turut menjadi perhatian selepas kemerosotan jumlah kerusinya pada PRN Johor dan Negeri Sembilan.

Jika DAP kehilangan DUN Ayer Keroh dan Kesidang, selain mengalami kemerosotan sokongan di kerusi lain, ia boleh meningkatkan tekanan dalaman terhadap kepemimpinan dan strategi parti, malah mencetuskan perbahasan kedudukannya dalam kerajaan Persekutuan.

BERSATU pula menghadapi ujian penting terhadap kelangsungan pengaruh politiknya. Pengalaman PRN Johor dan Negeri Sembilan, apabila hampir semua calonnya kehilangan deposit, memperlihatkan cabaran mendapatkan sokongan minimum pengundi.

Sekiranya tujuh calon BERSATU di Melaka berjaya mengekalkan deposit, perkembangan itu boleh ditafsirkan sebagai tanda kewujudan asas sokongan masih relevan. Sebaliknya, kehilangan deposit secara meluas akan menimbulkan persoalan mengenai keberkesanan strategi politik serta keperluan penilaian semula hala tuju parti.

Pada peringkat nasional, sekiranya BN-PN memperoleh kemenangan besar, keputusan itu boleh memperkukuh persepsi keberkesanan penyatuan kedua-duanya dan membuka ruang spekulasi mengenai kerjasama lebih luas menjelang PRU16.

Keadaan itu juga berpotensi mencetuskan perbahasan mengenai masa depan hubungan BN dengan PH dalam kerajaan Persekutuan, termasuk kemungkinan penarikan sokongan. Kesimpulannya, implikasi politik PRN ini bukan sahaja penting kepada Melaka, malah bakal menjadi antara petunjuk diperhatikan dalam menilai perkembangan landskap politik Malaysia menjelang PRU16.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Sidang Redaksi
Pengarang Kumpulan
ZULKIFLI JALIL | zuljalil@bh.com.my
Pengarang Eksekutif
NAZARUDIN ABU BAKAR | nazarudin@bh.com.my